
RELEVANSI PEMIKIRAN EKONOMI SYEIKH DAUD AL-FATANI DENGAN KONTRAK PEMBIAYAAN PERBANKAN ISLAM

Hadenan Towpek
Joni Tamkin Borhan
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kitab *Furu' al-Masa'il* merupakan antara karya Syeikh Daud al-Fatani yang mengandungi hampir kesemua tajuk perbincangan utama dalam bidang *fiqh* termasuklah dalam *fiqh al-mu'amalat* yang mempunyai kaitan langsung dengan bidang ekonomi dan kewangan sebagaimana difahami pada zaman sekarang. Untuk itu, penulisan ini akan mengenalpasti relevansi pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani sebagaimana dihuraikan dalam bahagian *mu'amalat* daripada kitab *Furu' al-Masa'il*, dengan amalan perbankan Islam Malaysia khusus untuk kontrak pembiayaan. Penulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis relevansi. Pada asasnya, analisis relevansi ini bercirikan persamaan sepadan, iaitu dari sudut definisi konseptual dan operasional, dan dari sudut legitimasi atau/dan klasifikasi. Dapatan penulisan menunjukkan pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani adalah relevan dengan amalan kontrak pembiayaan projek dalam perbankan Islam Malaysia.

Katakunci: Daud al-Fatani, fiqhal-mu'amalat, pemikiran ekonomi Islam, perbankan Islam, kontrak pembiayaan

THE RELEVANCE OF SHEIKH DAUD AL-FATANI ECONOMIC THOUGHTSON ISLAMIC BANKING FINANCING CONTRACTS

ABSTRACT

Furu' al-Masa'il is among Sheikh Daud al-Fatani's writings that concludes almost all main topics of fiqh including fiqh al-mu'amalat. It is directly related to economic and finance as what it is understood nowadays. Therefore, this writing attempts to identify the relevance of Syeikh Daud economic thoughts as what has been elaborated in his transaction chapter with Malaysian Islamic banking practices with special concern on financing contracts. This writing applies the content analysis and analysis of relevancy methods. Basically, an analysis of relevance is based on 'link and match' by conceptual and operational definitions, and by legitimation and/or classification aspects. This writing finds out that Syeikh Daud economic thoughts has relevance with project financing contracts in Malaysian Islamic banking.

Keywords: Daud al-Fatani, fiqhal-mu'amalat, Islamic economic thought, Islamic banking, financing contract

PENDAHULUAN

Bidang pemikiran ekonomi Islam sebagai satu disiplin ilmu merupakan bidang yang baru muncul sekitar tahun 40an, seiring dengan kemunculan ekonomi Islam sebagai suatu disiplin ilmu baharu yang moden (Joni Tamkin, 2000). Sungguhpun demikian, perkembangan ide dalam konteks pemikiran ekonomi Islam telahpun bermula sejak dari zaman pemerintahan *al-Khulafa' al-Rasyidin* lagi, lalu berkembang berterusan oleh para ahli fikir dan ilmuan Islam yang menghuni segala genap ceruk rantau dunia Islam. Untuk itu, penulisan berupa penerokaan awal ini cuba untuk mengenalpasti elemen pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dengan membuat analisis relevansinya dengan sistem perbankan Islam Malaysia dengan tumpuan kepada kontrak pembiayaan.

PENGENALAN RINGKAS SYEIKH DAUD AL-FATANI

Syeikh Daud al-Fatani merupakan seorang ulama Melayu Nusantara yang terkenal yang muncul pada period transisi abad ke 18M dan 19M. Ulama yang berasal dari wilayah Patani, Selatan Thai ini banyak memanfaatkan masa hidupnya dengan menuntut ilmu agama di pusat pengajian ilmu Islam, bermula dari wilayah Patani sebelum ke Aceh (2 tahun), diikuti di Mekah (30 tahun) dan Madinah (5 tahun). Beliau akhirnya menetap di kawasan Hijaz sehingga akhir hayatnya (W.M. Shaghir, 1990).

Dari sudut keilmuan, Syeikh Daud al-Fatani disifatkan oleh Azyumardi Azra (1995) sebagai tokoh ulama yang mempunyai pengetahuan yang lebih daripada mencukupi untuk menjadikan beliau tampil sebagai seorang ulama utama Melayu-Indonesia pada tempoh transisi abad ke 18M dan 19M. Hooker (1986) pula menyimpulkan bahawa keilmuan dan ketokohan beliau belum dapat ditandingi oleh ilmuwan Islam pada zaman beliau dan zaman selepasnya sehingga kini. Manakala kajian-kajian W.M. Shaghir (1991; 1995; 2003) mendapati bahawa beliau adalah seorang ulama kitab prolific yang menghasilkan 69 judul karya pelbagai bidang yang dapat dikenalpasti, iaitu *tauhid* (13 judul), *fiqh* (22 judul), *tasawuf* (13 judul), sejarah (8 judul) dan bidang yang lain (13 judul).

PEMIKIRAN *FIQHICONOMIC* SYEIKH DAUD AL-FATANI

Secara umumnya, bidang pemikiran sebagai suatu tradisi keilmuan Islam yang mencakupi semua aspek kehidupan sudah pasti tidak meninggalkan bidang ekonomi, bahkan menjadikannya sebagai antara subjek perbincangan yang utama. Dari segi konseptual, pemikiran ekonomi Islam dianggap sebagai suatu istilah khusus yang merujuk kepada suatu proses *ijtihad* para ahli fikir Islam dengan berpandukan sumber-sumber asas hukum Islam dan sumber-sumber sokongan yang lain, bagi mencari jalan menangani dan menyelesaikan masalah-masalah asas dalam bidang *mu'amalat* dan ekonomi yang dihadapi oleh umat Islam khususnya dan umat manusia sejagat amnya (Abdul Halim, 1987; Radawi, 1981; 'Abd al-Rahman, 1996a).

Bertitik-tolak dari itu, perbincangan mengenai pemikiran ekonomi Islam yang semakin berkembang pesat sehingga membentuk suatu fenomena yang diibaratkan oleh Profesor Salah El-Sheikh (2005) sebagai *FiqhiConomic*. Istilah ini secara literalnya adalah gabungan dua perkataan iaitu *Fiqhi* dan *Economic*, yang difahamkan sebagai

suatu proses asimilasi pemahaman fiqh sebagai landasan perundangan dan peraturan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan sehingga membentuk ciri-ciri ekonomi Islam yang bersepadu.

Dalam konteks penulisan yang berasaskan kitab *Furu' al-Masa'il* karangan Syeikh Daud al-Fatani, pemikiran ekonomi tokoh ini boleh disifatkan sebagai pemikiran *FiqhiConomic*, iaitu pemahaman pemikiran ekonomi yang berlandaskan perbincangan hukum *fiqh* dalam menangani dan menyelesaikan isu dan permasalahan ekonomi yang secara khusus menumpukan kepada sekitar perbincangan mengenai akadmu'amalat iaitu akad transaksi kewangan dan pertukaran harta dalam konteks yang diizinkan oleh perundangan Islam. Hal ini menjelaskan bahawa Islam sebagai suatu sistem perundangan sangat mempengaruhi pembentukan corak pemikiran ekonomi seseorang tokoh pemikir. Perkara ini juga berlaku dalam pemikiran ekonomi konvensional di mana setiap ekonomi itu amat perlu berfungsi dalam konteks terikat dengan rangka kerja sosial tertentu, yang diperincikan melalui falsafah moral dan sistem perundangan yang mantap (El-Sheikh, 2008).

Pemikiran *FiqhiConomic* Syeikh Daud al-Fatani juga bercirikan elemen pemikiran ekonomi Islam yang bukan baharu malahan berulang, dalam pengertian bahawa elemen ini telahpun dibahaskan oleh ahli fikir Islam terdahulu. Ini adalah kerana, berasaskan kitab *Furu' al-Masa'il*, beliau menggunakan dua sumber rujukan utama iaitu *Fatawa* oleh Syeikh al-Ramli dan *Kasyf al-Litham* oleh Syeikh al-Mahalli. Selain itu, beliau juga memetik pelbagai sumber rujukan lain; umpamanya, Syeikh 'Ali Syubramalsi disebut 11 kali, dan Imam al-Nawawi disebut empat kali (Hadenan, 2011).

Namun, persoalan elemen pemikiran ekonomi Islam yang bukan baharu malahan berulang tidak bermaksud bahawa sejarah pemikiran ekonomi Islam itu berjalan mengikut suatu pusingan (*circles*), dan pemikiran ekonomi tokoh ini bergerak kembali mengikut kedudukan period-period awal dalam pusingan yang sama. Tetapi, kenyataan ini sewajarnya difahamkan sebagai sejarah pemikiran ekonomi memperlihatkan satu pergerakan yang berbentuk putaran yang melingkar (*spirals*) dengan wujudnya daya penggerak maju ke hadapan.

Ini bertitik tolak daripada suatu kelaziman bahawa elemen pemikiran ekonomi adalah berupa pengulangan kepada elemen pemikiran yang telah dilaksanakan pada tempoh sebelumnya. Namun,

ia mempunyai perbezaan yang signifikan memandangkan fenomena dan suasana yang dihadapi, serta mendapat input baharu dalam penghujahan dan perdebatan (Brue & Grant, 2007). Sehubungan itu, dalam analisis pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani ini, dalam konteks pergerakan mengikut putaran yang melingkar, memperlihatkan suatu kesinambungan dengan perbincangan ideamu *'amalat* dan ekonomi sebelum ini dengan merujuk kepada sumber rujukan yang digunakan oleh tokoh ini.

Tambahan pula, Syeikh Daud al-Fatani juga membawa pendekatan secara relatifnya adalah suatu yang baharu yang belum wujud lagi pada era sebelumnya, iaitu dengan membandingkan dengan pendekatan yang dibuat oleh ulama Melayu Nusantara. Pada abad ke-17M, antara ulama Melayu perintis dalam aktiviti penghasilan karya jawi pada period ini ialah Syeikh Nur al-Din al-Raniri dan Syeikh 'Abd al-Ra'uf al-Sinkili. Syeikh Nur al-Din al-Raniri (m.1068H/1658M) dianggap sebagai perintis dalam penulisan karya *fiqh* apabila menghasilkan kitab jawi bertajuk *Sirat al-Mustaqim* (1044H/1634M) (Azyumardi Azra, 2003).

Sementara Syeikh 'Abd al-Ra'uf al-Sinkili (1024-1105H/1615-1693M) pula menghasilkan kitab jawi bertajuk *Mir'at al-Tullab* yang dianggap sebagai sebuah kitab dalam bentuk pengantar ilmu *fiqh* mengikut mazhab Syafi'i. Kandungan utamanya adalah mengenai ibadah dan ditambah dengan huraian masalah-masalah *mu'amalat* seperti hukum jual-beli, *riba*, *khiyar*, *syarikah*, *qirad*, *sulh*, *hiwalah*, *daman*, *wakalah*, *iqrar*, *musaqah*, *laqit* dan lain-lain (Abdul Rahman, 1996b). Dalam konteks ini, al-Sinkili dianggap sebagai ulama pertama yang di wilayah Melayu-Indonesia yang menulis secara langsung mengenai *fiqh mu'amalat* (Azyumardi Azra, 1995).

Selanjutnya tradisi pengkaryaan dalam agama diteruskan pada abad ke-18M dengan menyaksikan kemunculan ulama besar dari Kalimantan yang dikenali sebagai Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1122-1227H/1710-1812M). Karya utama beliau dalam bidang *fiqh* ialah *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh Amr al-Din*. Sungguhpun kitab ini dari segi kandungannya membahaskan masalah ibadah khusus seperti kitab *Sirat al-Mustaqim* oleh al-Raniri, tetapi perbincangannya lebih luas dan mendalam, sesuai dengan tujuan asalnya untuk menyempurnakan kekurangan yang terdapat dalam karya al-Raniri itu (Abdul Rahman, 1996b). Namun, kitab ini tidak membahaskan bab *mu'amalat*.

Selepas period al-Banjari barulah Syeikh Daud al-Fatani muncul sebagai tokoh ulama besar dan pengarang kitab terbilang Nusantara. Beliau menghuraikan bab *mu'amalat* secara khusus dengan cakupan yang mendalam sebagaimana terdapat dalam kitab *Furu' al-Masa'il*. Umpamanya, beliau menghuraikan jenis-jenis akad *mu'amalat* begitu komprehensif dan menyeluruh merangkumi hampir keseluruhan akad *mu'amalat*. Jenis-jenis akad *mu'amalat* utama yang dihuraikan dalam kitab *Furu' al-Masa'il* dirumuskan kepada 28 jenis akad sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai 28 Tajuk Akad *Mu'amalat* Dalam *Furu' al-Masa'il*

Senarai Tajuk	Halaman	Senarai Tajuk	Halaman
<i>Al-Bay'</i>	2-11, 14-19, 27-29, 31-35	15. <i>Al-Syarikah</i>	76-79
<i>Al-Riba</i>	11-14	16. <i>Al-Wakalah</i>	79-86
<i>Al-Khiyar</i>	19-27	17. <i>Al-'Ariyyah</i>	93-97
<i>Al-Tawliyyah, al-Isyrak wa al-Murabahah</i>	30-31	18. <i>Al-Ghasb</i>	98-104
<i>Al-Ikhtilaf fi Kayfiyyat al-'Aqd</i>	35-37	19. <i>Al-Syuf'ah</i>	104-107
Jual Beli Hamba	37-39	20. <i>Al-Qirad</i>	107-110
<i>Bay' al-Salam</i>	39-43	21. <i>Al-Musaqah</i>	110-113
<i>Al-Qard wa al-Salaf</i>	43-47	22. <i>Al-Ijarah</i>	113-118
<i>Al-Rahn</i>	47-58	23. <i>Ihya' al-Mawat</i>	118-121
<i>Al-Taflis</i>	58-62	24. <i>Al-Waqf</i>	121-124
<i>Al-Hajr</i>	63-67	25. <i>Al-Hibah</i>	124-126
<i>Al-Sulh</i>	67-71	26. <i>Al-Luqatah</i>	126-128
<i>Al-Hiwalah</i>	71-73	27. <i>Al-Ju'alah</i>	129-131
<i>Al-Daman</i>	73-76	28. <i>Al-Wadi'ah</i>	131-134

ANALISIS RELEVANSI KONTRAK PEMBIAYAAN

Metode Penulisan

Berasaskan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis relevansi, penulisan ini mengenal pasti relevansi antara konsep akad Syeikh Daud dengan konsep kontrak pembiayaan dalam perbankan

Islam. Syeikh Daud, dalam bahagian muamalat daripada kitab *Furu' al-Masa'il* telah menghuraikan sejumlah 28 jenis akad muamalat. Kemudian ia dibuat analisis relevansi dengan kontrak pembiayaan dalam perbankan Islam.

Pada asasnya, analisis relevansi ini berasaskan pendekatan padanan serupa (*link & match*) iaitu mengenal pasti ciri persamaan, perkaitan atau kesesuaian antara dua kelompok yang dibandingkan. Oleh itu, ia bukanlah kajian perbandingan (*comparative study*) yang mengenal pasti ciri persamaan, perbezaan dan amalan terbaik.

Justeru, akad-akad ini dibuat analisis relevansi yang bercirikan persamaan sepadan, iaitu dari sudut definisi konseptual dan operasional, dan dari sudut legitimasi atau/dan klasifikasi. Oleh itu, fokus akad *mu'amalat* yang akan dibuat analisis relevansi bermula dengan menganalisis aspek pengharaman *riba* dan aspek keharusan jual beli dalam kontrak pembiayaan; disusuli dengan perbincangan jenis kontrak utama dalam pembiayaan iaitu *musyarakah*, *mudarabah*, *bay' al-salam*, *murabahah*, dan *ijarah*.

Pengharaman Riba Dalam Kontrak Pembiayaan

Sebagai sebuah entiti perniagaan, asas semulajadi perbankan adalah berfungsi sebagai perantara (*intermediary*) antara sektor pemberi pinjam (*lenders*) dan sektor peminjam (*borrowers*). Institusi perbankan mengumpul sumber dana daripada pelanggan dan firma perniagaan, kemudian mereka memberi pinjam sumber dana ini kepada sektor peminjam, iaitu melalui proses pemindahan dana dari pihak penabung kepada pihak pengguna dana, yang dibahagikan dan diperincikan kepada fungsi yang bercirikan pengurangan kos, peningkatan perkhidmatan dan menyesuaikan produk kewangan dengan tahap keperluan dan keutamaan kedua-dua pihak, iaitu pemilik dan pengguna dana (Rosenberg, 1982; Siddiqi, 2000; Kahf, 2007; IBFIM, 2007).

Dalam hal ini, perbankan konvensional bergantung sepenuhnya kepada doktrin dan amalan *riba* dalam menjayakan peranan mereka sebagai perantara antara sektor lebihan dan sektor defisit. Keuntungan kepada pihak bank adalah berdasarkan kepada perbezaan kadar faedah yang diberikan kepada sektor lebihan dan kadar faedah yang dikenakan ke atas sektor defisit melalui pinjaman peribadi, pembiayaan projek, pinjaman perumahan, overdraf, pinjaman pembelian saham, surat kredit, sewa, sewa-beli dan sebagainya (Mohd. Daud, 1997).

Begitu juga halnya dalam institusi perbankan Islam dalam bentuk moden melaksanakan fungsi perantara dianggap sebagai keperluan pada tahap darurat yang wajib dipenuhi (Siddiqi, 2000). Namun, fungsi perantara ini dilaksanakan berdasarkan penolakan terhadap sistem perbankan berasaskan *riba* dan beralih kepada akad *mu'amalat* yang berasaskan konsep syariah (Lewis & Algaud, 2001; Chapra, 1985).

Dalam hubungan ini, Syeikh Daud al-Fatani dalam *Furu' al-Masa'it* telah membahaskan mengenai pengharaman amalan *riba*. Menurut beliau, amalan *riba* adalah termasuk dalam dosa-dosa besar berdasarkan *nas* dalil al-Qur'an, al-hadis dan ijmak. Menurut beliau, *riba* boleh berlaku sama ada pada *thaman* atau harga iaitu emas dan perak, atau pada jenis makanan yang mengenyangkan seperti gandum dan barli, atau makanan yang bersedap-sedapan seperti *tamar* (kurma kering) dan *zabib* (kismis), atau makanan yang membaikkan seperti garam dan segala jenis rempah.

Sungguhpun Syeikh Daud al-Fatani tidak menyatakan secara langsung mengenai pengharaman *riba* dalam bidang perbankan, namun beliau menjelaskan *riba al-nasi'ah* boleh berlaku dalam amalan pinjam-meminjam wang yang lebih daripada jumlah pokok. *Riba* jenis inilah yang menjadi nadi dalam sistem perbankan konvensional yang berasaskan kadar faedah. Lanjutan daripada penolakan amalan *riba* membuka ruang dan peluang dimensi baharu dan prospek yang besar dalam perbankan moden yang berasaskan konsep syariah. Dalam hal ini, tujuan utama perbankan Islam adalah untuk menyediakan alternatif perbankan yang bersifat Islamik kepada perbankan berasaskan *riba* (Ahmad, 1991).

Jual Beli Sebagai Asas Kontrak Pembiayaan

Syeikh Daud al-Fatani menjelaskan bahawa jual beli dari segi bahasa ialah *muqabalah* iaitu saling bertukar suatu dengan suatu, dan dari segi syarak pula ialah tukaran harta atas syarat yang tertentu. Dalam hal ini, secara umumnya, aktiviti jual beli merujuk kepada aktiviti pertukaran sesuatu harta sama ada dalam bentuk matawang, barang, perkhidmatan atau bentuk yang lain. Aktiviti jual beli boleh dianggap sebagai aktiviti teras dalam bidang ekonomi termasuklah dalam sektor perbankan terutamanya institusi perbankan Islam. Institusi perbankan ini terlibat dengan aktiviti jual beli dalam konteks fungsinya sebagai perantara antara sektor lebihan dan sektor defisit (Hadenan, 2003).

Selain itu, penglibatan ketara institusi perbankan dalam aktiviti jual beli seolah tidak boleh dipisahkan lagi sehingga bank ditakrifkan sebagai satu unit perniagaan yang terlibat terutamanya dalam pengumpulan deposit, pengeluaran pinjaman, penyediaan mudah tunai, dan penyediaan kemudahan penyaluran dana dan sistem pembayaran (Leong Toong Peng, 1998). Dalam hal ini, Akta Bank Islam 1983 (Akta 276), klausa 2, di bawah terma tafsiran bagi frasa “perniagaan perbankan Islam” dihuraikan sebagai perniagaan bank yang tujuan dan pengendaliannya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam. Selanjutnya tafsiran ini diperincikan lagi dalam akta baharu iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), memberi tafsiran frasa “perniagaan perbankan Islam” sebagai perniagaan:

- menyetujui terima deposit Islam atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa, dengan atau tanpa perniagaan membayar atau memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan; atau
- menyetujui terima wang di bawah suatu akaun pelaburan; dan
- penyediaan pembiayaan; dan
- apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3;

Berhadapan dengan kenyataan ini, perundangan Islam tradisi sebagaimana dihuraikan oleh Syeikh Daud al-Fatani dalam *Furu' al-Masa'il* sebenarnya telah menyediakan beberapa jenis kontrak yang pada tabiat semulajadinya adalah berbentuk pembiayaan kewangan. Kontrak ini terdiri daripada kontrak *musyarakah*, *mudarabah* dan *bay'al-salam*. Selain itu, pembiayaan kewangan juga boleh berlaku melalui kontrak pertukaran (*mu'awadah*) khususnya kontrak *murabahah* dan *ijarah*.

Kontrak Pembiayaan Musyarakah

Pemahaman akad *syarikah* oleh Syeikh Daud al-Fatani sebagai akad *mu'amalat* mempunyai relevansi dengan konsep dan aplikasi akad *musyarakah* sebagaimana yang diaplikasikan dalam kontrak pembiayaan perbankan Islam Malaysia. Asas kepada aspek relevansi ini berpusat pada konsep “bersekutu” atau “bergabung” sebagaimana

yang difahami oleh Syeikh Daud al-Fatani, manakala dalam amalan perbankan Islam, ia dikenali sebagai perkongsian atau usahasama (*partnership*) (Abdul Ghafar, 2010; Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011).

Dari sudut harta modal *musyarakah*, Syeikh Daud al-Fatani meletakkan syarat bahawa harta dari jenis *nuqud* (matawang), percampuran harta berlaku sebelum akad, percampuran harta itu dilakukan sehingga ia tidak boleh dibezakan lagi, dan jenis harta yang sama walaupun berlainan kuantiti dan nilainya. Dalam amalan perbankan Islam pula memberi syarat yang tidak jauh bezanya di mana ia hendaklah jenis harta yang mempunyai nilai wang, bukan dari jenis hutang, jumlah yang tertentu, sumbangan dari semua rakan kongsi, dan harta itu dikumpul dalam dana modal (Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011; Zaharuddin, 2009; Abdul Ghafar, 2010; BIRT, 1998).

Dari sudut hak dan tanggungjawab rakan kongsi *musyarakah*, Syeikh Daud al-Fatani menjelaskan mengenai elemen keizinan untuk berurus niaga dengan harta *musyarakah* dalam ruang lingkup yang tidak mendatangkan kemudaratan, umpamanya seperti tidak boleh menjual jika rugi, dan perlu menjual dengan harga yang lebih baik jika mendapat sambutan pasaran. Sementara dalam amalan perbankan Islam, setiap rakan kongsi akad *musyarakah* hendaklah dapat menanggung kewajipan, bukan *mahjur 'alayh*, dan tidak boleh memudaratkan harta modal (Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011).

Selain itu, seiring dengan perkembangan zaman, hak dan tanggungjawab setiap rakan kongsi akad *musyarakah* juga semakin dinamik, di mana setiap rakan kongsi dibenarkan untuk berkongsi dengan individu bukan Islam atau bank konvensional selagi perniagaan yang disepakati adalah halal; Bank Islam selaku rakan kongsi dibenarkan berkongsi dengan bank konvensional dalam pembiayaan projek besar (*syndicated project financing*) dengan syarat dikawal selia secara Syariah; semua rakan kongsi dibenarkan untuk bersama meminda beberapa syarat yang dipersetujui pada awalnya; kesemua rakan kongsi berhak untuk mengendalikan harta syarikat sama ada menjual, menyewa dan lain-lain selagi ia dalam sasaran syarikat serta membawa manfaat, kecuali dalam urusan yang boleh membawa kerugian mestilah mendapat persetujuan semua rakan kongsi; dan rakan kongsi dibenarkan mewakili seorang atau dua sebagai Pengurus Eksekutif Utama (*Chief Executive Officer* atau *Managing Director*)

syarikat manakala pihak yang lain berperanan sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Zaharuddin, 2009).

Seterusnya, dari sudut pengagihan untung-rugi, Syeikh Daud al-Fatani menjelaskan dalam *Furu' al-Masa'il* bahawa ia bergantung pada kadar sumbangan harta setiap rakan kongsi. Sekiranya kadar sumbangan adalah sama, maka kadar pembahagian juga adalah sama. Selain itu, pengiraan keuntungan perniagaan dalam akad *musyarakah* dibuat setelah ditolak daripada kos cukai barangan dan cukai perniagaan serta kos tuntutan lain seperti kos bayaran barangan yang dicuri.

Sementara dalam amalan perbankan Islam, sesuatu kadarkeuntungan akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh semua pihak yang berakad mengikut nisbah pemilikan saham atau ekuiti (Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011; Abdul Ghafar, 2010; Zaharuddin, 2009). Modus operandi kontrak pembiayaan Islam berasaskan akad *musyarakah* boleh dilihat dalam Rajah 1.

Rajah 1: Modus Operandi Kontrak Pembiayaan *Musyarakah*

Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011)

Pada peringkat awal, memandangkan konsep *musyarakah* adalah satu bentuk pembiayaan berbentuk usaha sama di mana bank juga menanggung risiko, perkhidmatannya tidaklah terbuka dengan meluas kepada semua pelanggan. Hanya pelanggan yang amanah, mempunyai perniagaan yang teguh dan kedudukan kewangan yang kukuh serta mempunyai hubungan yang baik dengan bank akan dibenarkan memohon pembiayaan dalam bentuk ini. Dalam hal pembiayaan *musyarakah*, pihak bank akan hanya membiayai projek yang ditenderkan oleh Kerajaan atau badan korporat terkemuka (Ahmad Hidayat, 2007).

Dengan berkembangnya saiz pasaran dan semakin meningkat keperluan pasaran, pihak bank Islam juga bertindak dengan *remodelling* kontrak pembiayaan *musyarakah* kepada kontrak pembiayaan *musyarakahmutanaqisah* (KPMI). Secara umumnya, KPMI ini merujuk kepada pemilikan berkongsi secara menurun, iaitu suatu bentuk akad persyarikatan dan perkongsian antara pihak pembiaya yang merupakan rakan kongsi memberi hak kepada rakan kongsinya yang lain (penerima biaya) untuk memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran iaitu secara beransur-ansur berdasarkan syarat yang dipersetujui (BNM, 2006; BIMB, t.t.). Antara produk KPMI ialah Pembiayaan Rumah dan Aset Secara *Musyarakah Mutanaqisah*. Produk jenis ini semakin mendapat sambutan dalam kalangan industri perbankan Islam, dan telah ditawarkan oleh beberapa institusi perbankan dan kewangan seperti Kuwait Finance House, Asian Finance Bank, Maybank Islamic Bank, RHB Islamic Bank, Citibank Islamic Banking dan lain-lain (Zaharuddin, 2009).

Kontrak Pembiayaan Mudarabah

Satu lagi kontrak pembiayaan yang popular dalam amalan perbankan Islam Malaysia iaitu *mudarabah* (*qirad* atau *muqaradah*). Menurut Syeikh Daud al-Fatani, *qirad* diberi takrifan ringkas sebagai “bahagi untung”. Beliau tidak menggunakan istilah *mudarabah*. Perkara ini boleh dikaitkan dengan pengaruh tradisi awal penulisan *fiqh* mazhab al-Syafi‘i yang menggunakan istilah *qirad* dengan meluas sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Umm* karya Imam al-Syafi‘i (al-Syafi‘i, 1961) yang kemudiannya diulas oleh al-Muzani dalam *Mukhtasar* (al-Syafi‘i, 1991). Namun, dalam sumber literatur yang terkemudian, umpamanya seperti *al-Wajiz* karya al-Ghazali (1997), *al-‘Aziz* karya al-Rafi‘i (al-Rafi‘i, 1997) *al-Muhadhdhab* oleh al-Syirazi (1995), *Fath al-*

Jawad bi Syarh al-Irsyad oleh al-Haytami (1971), *Rawdat al-Talibin* dan *Minhaj al-Talibin* keduanya karya al-Nawawi (2003; 2005) dan *Mughni al-Muhtaj* karya al-Syarbini (1997) menggunakan kedua-dua istilah ini bagi merujuk maksud dan konsep yang sama.

Oleh itu, kedua-dua istilah ini boleh dirumuskan sebagai pemilik harta menyerahkan hartanya kepada pihak pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan perniagaan itu dibahagi antara kedua pihak (al-Nawawi, 2003& 2005; al-Syarbini, 1997). Sementara dalam pengertian konseptual dan operasional, istilah yang digunakan adalah *mudarabah* bagi merujuk aktiviti pemberian modal oleh satu pihak kepada pihak lain sebagai pengusaha supaya diperniagakan dengan pembahagian keuntungan diagihkan mengikut nisbah yang dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia akan ditanggung oleh pihak pemodal sahaja (BIRT, 1998; Mohd Daud, 1997).

Dari sudut harta modal *mudarabah*, Syeikh Daud al-Fatani menyatakan bahawa ia hendaklah dari jenis *nuqud* (matawang), diketahui kadar, jenis dan sifatnya, harta yang tertentu, dan boleh serah. Dalam amalan perbankan Islam pula mensyaratkan harta modal akad *mudarabah* itu hendaklah dalam bentuk matawang, bukan hutang, jumlah yang spesifik, dan boleh serah kepada pengusaha (Mohammad Khairi Saat *et al.*, 2011).

Selain itu, Syeikh Daud al-Fatani juga menjelaskan bahawa dalam syarat akad *mudarabah*, pengusaha hendaklah mengerjakan sendiri pekerjaan *mudarabah* dan pemodal tidak boleh menyertai pekerjaan tersebut. Bagi spesifikasi usaha atau kerja dalam akad *mudarabah*, beliau menjelaskan bahawa ia hendaklah dari jenis bidang kemahiran yang dimiliki oleh pengusaha, umpamanya berniaga; bukan aktiviti yang dilarang; pengusaha bebas untuk mengurus niaga tanpa syarat yang mengikat; dan bebas daripada elemen *ta'qit* (unsur penangguhan dari segi tempoh masa) dan elemen *ta'liq* (tertakluk dengan syarat tertentu).

Sementara perkongsian keuntungan dalam akad *mudarabah* dianggap sebagai salah satu rukun *mudarabah*. Oleh itu, ia tertakluk dengan syarat-syarat tertentu, umpamanya keuntungan dibahagikan antara pemodal dan pengusaha *mudarabah*, keuntungan tidak boleh diserahkan kepada satu pihak sahaja iaitu kepada pemodal; dan mempunyai kaedah pembahagian keuntungan yang jelas dan tertentu (h.108-109). Selain itu, sesuatu akad *mudarabah* adalah sah sekiranya terdapat dua orang pemodal dan seorang pengusaha. Dalam hal ini,

pengagihan keuntungan adalah mengikut nisbah yang telah dipersetujui semasa akad.

Salah satu elemen utama dalam akad *mudarabah* ialah menjana keuntungan. Oleh itu, pengusaha bagi akad *mudarabah* mempunyai beberapa tanggungjawab bagi memastikan perniagaan *mudarabah* dapat menjana keuntungan. Dalam hal ini, Syeikh Daud al-Fatani telah menjelaskan mengenai tanggungjawab tersebut yang boleh dirumuskan seperti berikut: pengusaha hendaklah berjual dengan keuntungan dan mengelakkan daripada mendapat kerugian yang teruk; pengusaha tidak boleh berjual secara bertangguh sekiranya tidak ada keizinan daripada pemodal; pengusaha boleh mengurus niaga secara bertukaran (*mu'awadat*) walaupun tanpa izin pemodal; pengusaha hendaklah memastikan tidak terlibat dengan aktiviti larangan atau tegahan dalam akad *mudarabah*; dan pengusaha hendaklah menyerahkan *zawa'id* daripada modal *mudarabah*.

Pengusaha boleh menggunakan perolehan keuntungan bagi menampung harta *mudarabah* yang menyusut nilainya kerana harga turun, atau sebab *'aib* seperti sakit, atau sebahagian harta tersebut binasa atas sebab tertentu seperti kebakaran atau tenggelam (h.110). Modus operandi kontrak pembiayaan *mudarabah* boleh ditunjukkan menerusi ilustrasi Rajah 2.

Rajah 2: Modus Operandi Kontrak Pembiayaan *Mudarabah*

Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011)

Kontrak Pembiayaan Bay' al-Salam

Dari segi latar sejarahnya, akad *bay' al-salam* popular pada zaman Nabi SAW lagi dan juga pada zaman kegemilangan hasil pertanian. Akad ini dianggap menarik dan penting kerana ia dikecualikan daripada syarat jual beli biasa atas dasar objektif syariah yang jelas (Mohd Daud, 1997:217). Atas asas pertimbangan ini, akad *bay' al-salam* dijadikan kayu ukur apabila berhadapan dengan keperluan semasa dan syarat jual beli yang ketat (Zaharuddin, 2009).

Oleh itu, akad *bay' al-salam* menjadi antara fokus perbincangan fuqaha' (al-Syafi'i, 1991; al-Syarbini, 1997; al-Nawawi, 2003; al-Syirazi, 1995a; al-Ghazali, 1997) terdahulu termasuklah Syeikh Daud al-Fatani dalam *Furu' al-Masa'il*. Beliau membincangkan tajuk *bay' al-salam* dengan mengkhusus kepada memerihalkan hukum dan syarat bagi rukun akad *bay' al-salam* iaitu pihak yang berakad (*muslim* dan *muslam ilayh*), *ra's al-mal* (modal atau harga barang), dan objek akad (*muslim fih*).

Bagi Syeikh Daud al-Fatani, akad *bay' al-salam* secara mudahnya difahami sebagai jual beli sesuatu yang disifatkan pada *dhimmah* (tanggungjawab) dengan lafaz *al-salam*. Takrifan ini dapat difahami bahawa bentuk akad ini adalah dari kategori akad jual beli bagi sesuatu barang yang disifatkan (*al-mawsuf*) iaitu ciri-ciri khusus barang yang dispesifikasikan oleh *muslim* selaku pembeli barang, memandangkan barang tersebut belum wujud lagi ketika majlis akad. Oleh itu, *muslam ilayh* selaku penjual barang menanggung *dhimmah* (tanggungjawab) untuk berusaha mewujudkan barang tersebut dalam tempoh tertentu yang disepakati (Abdul Ghafar, 2010; Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011; BIRT, 1998).

Menurut Syeikh Daud al-Fatani, syarat ini tidak terlalu mengikat kerana terdapat keadaan di mana tidak berlaku serah-terima *ra's al-mal* tetapi dikira sah akad *bay' al-salam*. Umpamanya, selain dalam bentuk *nuqud*, *ra's al-mal* itu boleh dalam bentuk manfaat seperti memberi perkhidmatan kepada *muslam ilayh* selama sebulan; atau dalam bentuk harta tetap yang tidak boleh diserahkan secara fizikal seperti rumah atau sebidang tanah. Bagi *muslim fih* iaitu barang yang ditempah hendaklah disepakati semasa majlis akad. Oleh itu, ia tidak sah sekiranya berlaku sebelum atau selepas majlis akad. Dalam hal ini juga, *muslam ilayh* hendaklah berkuasa untuk mewujudkannya dan diserahkan kepada *muslim* pada tempoh yang disepakati. Sekiranya

melebihi tempoh tersebut dan *muslam ilayh* tidak menyerahkan barang yang ditempah, maka akad *bay' al-salam* tersebut batal.

Huraian tiga rukun *bay' al-salam* di atas adalah tidak berbeza dengan ciri dan aplikasi kontrak pembiayaan *bay' al-salam* perbankan Islam Malaysia (Abdul Ghafar, 2010; Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011; BIRT, 1998). Gambaran umum dan modus operandi akad ini dapat dilihat menerusi Rajah 3.

Rajah 3: Modus Operandi Kontrak Pembiayaan *Bay' al-Salam*

Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011)

Pada masa sekarang, akad *bay' al-salam* digunapakai dalam perbankan Islam Malaysia menerusi pembiayaan *al-salam* secara *hybrid* iaitu digabungjalinkan dengan akad yang lain seperti akad *bay' al-mu'ajjal* (jual bayaran bertangguh); Pembiayaan *al-Salam* Sebagai Pembiayaan Modal Kerja; dan Pembiayaan *al-Salam* Secara Selari (*Parallel Salam*) (Zaharuddin, 2009). Umpamanya, Agrobank (2014) menawarkan produk pembiayaan komersialnya yang dikenali sebagai Modal Kerja-*i* yang mengaplikasikan akad *bay' al-Salam* dalam salah satu kaedah pembiayaan bagi membiayai pelanggan yang memerlukan tunai segera bagi urusan perniagaan hariannya seperti mengusahakan tanaman padi, mengeluarkan barangan perkilangan atau apa-apa barang yang dapat disifatkan secara tepat dari segi bentuk, bilangan, timbangan, jenis, kualiti dan sifat asasi lain yang akan menjadikan harga yang berbeza.

Kontrak Pembiayaan Murabahah

Bagi Syekh Daud al-Fatani, *murabahah* ditakrifkan sebagai suatu bentuk jualan produk pada harga asal dengan ditambah keuntungan dengan persetujuan pembeli. Takrifan ini tidak berbeza dengan pemahaman konsep *murabahah* dalam kalangan fuqaha seperti al-Syafi'i (1991), al-Dusuqi (t.t.), al-Kasani (1986), Ibn Qudamah (1972), Ibn Humam (1970), dan al-Syarbini (1997); dan sarjana Islam seperti al-Misri (1988), Saleh (1986), al-Misri (1988), Humud (1988), Joni Tamkin (1998), dan Abdul Ghafar (2010). Bahkan pihak industri perbankan Islam menanggapi *murabahah* sebagai penjualan barangan pada harga yang termasuk kos campur keuntungan yang telah dipersetujui oleh penjual dan pembeli. Kontrak ini membolehkan pelanggan menerima serahan barangan serta merta semasa ketibaan dan menyelesaikan dengan bank mengikut peraturan pembayaran tertunda (BIMB, 2014; RHB Islamic Bank, 2014a; Maybank Islamic, 2014; AIBIM, 2014; Public Islamic Bank, 2014). Gambaran umum modus operandi kontrak pembiayaan *murabahah* ditunjukkan dalam Rajah 4.

Rajah 4: Modus Operandi Kontrak Pembiayaan *Murabahah*

Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011), Hailani & Sanep (2009), ISRA (2012)

Sebagai contohnya, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) menawarkan kontrak pembiayaan *murabahah* yang dikenali sebagai Pembiayaan Modal Teroka Murabahah (*Murabahah Working Capital Financing-i*) (MWCF-i). MWCF-i ini dikhususkan untuk kategori pembiayaan aset tetap, kategori kontrak pembiayaan, kategori bil-bil penerimaan Islam, dan kategori dokumentari kredit (BMMB, 2014).

Selain itu, produk yang dikenali sebagai Bil-bil Penerimaan Islam – Jualan (*Islamic Accepted Bills – Sale*) (IAB-Sale) juga menggunakan konsep *murabahah* bersama konsep *bay' al-dayn*. Begitu juga kontrak pembiayaan yang ditaja khas oleh BNM yang dikenali sebagai Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) yang mengaplikasikan konsep yang variasi iaitu konsep *tawarruq*, *murabahah*, *bay' bi thaman ajil* (BBA), dan *bay' al-istisna'* (BMMB, 2014).

Kontrak Pembiayaan Ijarah

Perbincangan Syeikh Daud al-Fatani dalam *Furu' al-Masa'il* berkenaan akad *ijarah* menyentuh aspek-aspek seperti hak pemilik dan penyewa, harta sewaan, bentuk sewaan, dan hal-hal lain yang berkaitan. Namun, perbincangannya adalah berasaskan kepada dua jenis akad *ijarah* iaitu *ijarat al-'ayn* (barangan/komodoti) dan *ijarat al-dhimmah* (perkhidmatan).

Kedua jenis *ijarah* ini juga diadaptasikan dalam penawaran produk perbankan Islam yang berasaskan konsep *ijarah*. Konsep *ijarah* boleh dikategorikan kepada dua iaitu *ijarah* secara operasi (*operating lease*) dan pembiayaan secara *ijarah* (*financial lease*) (Zaharuddin, 2009). Dalam amalan perbankan Islam, bagi jenis pertama iaitu *ijarat al-'ayn* (sewaan atau pajakan barangan/komodoti) secara lazimnya diaplikasikan dalam kontrak pembiayaan yang melibatkan tiga pihak iaitu pihak bank, pelanggan dan pembekal, di mana pada akhir tempoh akad *ijarah* menyaksikan aset atau peralatan akan menjadi milik pihak bank, bukannya milik pelanggan. Perkara ini dapat ditunjukkan melalui Rajah 5.

Rajah 5: Modus Operandi Aplikasi Kontrak Pembiayaan *Ijaratal-‘Ayn*

Sumber: Mohd Herwan & Mohd Hawari (2011), Mohd Sabri (2009), Mohammad Khairi *et al.* (2011)

Selain itu, pihak bank juga menawarkan kontrak pembiayaan *ijarah* yang berbeza sedikit dengan produk yang pertama di mana produk kedua ini menyaksikan aset/peralatan tersebut akan bertukar milik daripada bank kepada penyewa. Produk jenis ini dikenali sebagai *ijarah muntahiyah bi al-tamlik* (IMBT) atau *ijarah wa iqtina*'.

Terdapat satu lagi kontrak pembiayaan dari jenis *ijarat al-‘ayn* yang diaplikasikan dalam perbankan Islam yang dikenali sebagai

akad *al-ijarahthumma al-bay'* (AITAB). Pada asasnya, kontrak AITAB berserta dengan produk *ijarah* biasa dan *ijarah* IMBT adalah berasaskan kontrak *ijarah* iaitu suatu bentuk kontrak pembiayaan secara sewaan atau pajakan secara berjadual. Ketiga jenis kontrak pembiayaan *ijarah* ini berbeza dari sudut status pemilikan terakhir di mana *Ijarah* biasa: Aset masih kekal menjadi milik bank; *Ijarah* IMBT: Aset bertukar milik pelanggan (penyewa) sama ada sebagai pemberian, harga token, harga persamaan, atau pindah-milik biasa; dan *Ijarah* AITAB: Aset bertukar milik kepada pelanggan (penyewa) melalui kontrak jual beli (*S&P Contract*).

Kontrak pembiayaan AITAB ini boleh dilihat dalam senarai produk pembiayaan oleh institusi perbankan Islam Malaysia. Umpamanya, RHB Islamic Bank (2014b) menyediakan kemudahan produk yang dikenali sebagai Sewa Beli-i (*Hire Purchase-i*), iaitu sebuah produk pembiayaan yang membenarkan pelanggan untuk menyewa kenderaan daripada bank dan seterusnya pada penyelesaian ansuran bulanan yang terakhir, membeli dan mengambil hak ke atas kenderaan tersebut.

Manakala bagi jenis *ijarat al-dhimmah* pula boleh dilihat dalam kontrak pembiayaan yang dikenali sebagai *ijarah mawsufah fi al-dhimmah* (*forward lease*). Produk ini merupakan satu akad *ijarah* yang melibatkan aset di bawah milik bank selaku pemilik pajakan (*lessor*) diserahkan kepada pelanggan selaku pemajak (*lessee*) berdasarkan spesifikasi yang tepat pada masa hadapan. Memandangkan aset pajakan belum lagi diserahkan, maka dalam hal ini ia dianggap sebagai pajakan masa depan (*forward lease*) (Mohd Herwan & Mohd Hawari, 2011). Dalam hal ini, Majlis Pengawasan Syariah BNM memberi kelulusan penggunaan konsep *ijarah mawsufah fi al-dhimmah* sebagai kontrak sokongan dalam produk pembiayaan perumahan yang berasaskan *musyarakah mutaqisah* (BNM, 2010).

KESIMPULAN

Perbincangan di atas memberi gambaran bahawa ketokohan Syeikh Daud al-Fatani bukan sahaja dapat ditampilkan sebagai ulama kitab yang prolifik, tetapi beliau juga merupakan seorang ulama pemikir ekonomi Islam. Pemikiran ekonomi Islam beliau disifatkan sebagai *FiqhiConomic* iaitu pemahaman pemikiran ekonomi yang berlandaskan perbincangan hukum *fiqh* dalam menangani dan menyelesaikan isu dan permasalahan ekonomi yang secara khusus menumpukan kepada sekitar perbincangan mengenai akad-akad *mu'amalat*.

Denganberdasarkankitab *Furu' al-Masa' il* pada bab *mu'amalat*, pemikiran *FiqhiConomic* beliau dibuat analisis relevansi dengan sistem perbankan Islam Malaysia dengan tumpuan kepada kontrak-kontrak pembiayaan yang terdiri daripada *mudarabah*, *musyarakah*, *bay' al-salam*, *murabahah* dan *ijarah*. Dapatan menunjukkan bahawa pemikiran *FiqhiConomic* beliau mempunyai relevansi dengan amalan perbankan Islam Malaysia. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sungguhpun pemikiran ekonomi beliau dihasilkan pada awal abad ke 19M, namun ia masih dapat diamalkan sehingga sekarang ini. Dengan beberapa penyesuaian dalam penyediaan konsep pembiayaan menurut Syeikh Daud al-Fatani bukan sahaja memenuhi keperluan perundangan Islam tetapi juga menjadikannya lebih praktikal dan menarik.

Justeru, sudah pasti kredibiliti ulama terdahulu dalam konteks Alam Melayu seperti Syeikh Daud al-Fatani memberi suatu gambaran jelas bahawa pemikiran golongan ulama terdahulu yang lazimnya dilabelkan bersifat ortodoks dan sempit, adalah merupakan suatu kenyataan yang boleh ditolak. Bahkan menerusi penulisan ini menjelaskan bahawa mereka mempunyai pemikiran ekonomi yang mantap dan progresif, yang memberi panduan dalam mengurus-tadbir dalam pelbagai bidang termasuklah bidang perbankan dan kewangan Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman Yusra Ahmad. (1996a). *Tatawwur al-fikr al-iqtisadi*. Iskandariyah: al-Dar al-Jam‘iyyah ‘Abd al-Rahman, Dar al-Jami‘iyyah.
- Abdul Ghafar Ismail. (2010). *Money, Islamic banks and the real economy*. Singapore: Cengage Learning.
- Abdul Halim b. Haji Mat Diah. (1987). Pemikiran Islam: Peranan pusat pengajian tinggi di Malaysia. Paper presented at Seminar Pemikiran Islam: Ke Arah Pemikiran Islam di Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1996b). *Pemikiran umat Islam di Nusantara: Sejarah dan perkembangannya hingga abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat Buang (ed.). (2007). Produk dan perkhidmatan kewangan Islam, *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad, Ziauddin. (1991). Islamic banking at the crossroads, in Sadeq, AbulHasan M. *et al.*, *Development & finance in Islam*. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Akta Bank Islam 1983* (2008), (Undang-undang Malaysia, Akta 276), cet. semula, pindaan hingga 1 Oktober 2008, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Malaysia.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013*, (Undang-undang Malaysia, Akta 759).
- al-Banjari, Muhammad Arsyad bin ‘Abdullah. (t.t.). *Sabil al-muhtadin li tafaqquh fi amr al-din*, juz 2. Singapura: Maktabah wa Matba‘ah Sulayman Mar‘i.
- al-Dusuqi, Syams al-Din al-Syaykh Muhammad. (t.t.). *Hasyiat al-Dusuqi ‘ala al-syarh al-kabir*, juz 3. Qaherah: Matba‘ah ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. (1997). *Al-wajiz fi fiqh al-imam al-Syafi‘i*, jld. 1. Beirut & Lubnan: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- al-Haytami, Abu al-‘Abbas Syihab al-Din Ibn Hajar. (1971). *Fath al-jawad bi syarh al-irsyad*, jld. 1, Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

- al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr b. Mas'ud. (1986). *Bada'i' al-sana'i' fi tartib al-syara'i'*, juz 5, cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Misri, 'Abd al-Sami'. (1988). *Al-masraf al-Islami 'ilmiyyan wa 'amaliyyan*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Misri, Rafiq Yunus. (1988). Bay' al-murabahah li al-amr bi syira' fi al-masarif al-Islamiyyah, *Majalah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 5(2), 1129-1172.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiy al-Din b. Syaraf. (2003). *Rawdat al-talibin*, juz 3, cet. khas. Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub.
- _____. (2005). *Minhaj al-talibin wa 'umdat al-muftin*. Arab Saudi: Dar al-Minhaj.
- al-Rafi'i, Abu al-Qasim 'Abd al-Karim b. Muhammad b. 'Abd al-Karim al-Qazwayni al-Syafi'i. (1997). *Al-'aziz syarh al-wajiz al-ma'ruf bi al-syarh al-kabir*, juz 6. Beirut & Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Syafi'i, Abu 'Abd Allah Muhammad b. Idris. (1991). *Al-umm*, (Mukhtasar al-Muzani), jld. 8. Qaherah: Dar al-Ghad al-'Arabi.
- _____. (1961). *Al-umm*, juz 4, (tashih: Muhammad Zahri al-Najjar). al-Azhar, Mesir: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. (1997). *Mughni al-muhtaj ila ma'rifat ma'ani al-faz al-minhaj*, Jld. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim b. 'Ali b. Yusuf al-Fayruzabadi. (1995). *Al-muhadhdhab fi fiqh al-Imam al-Syafi'i*, juz 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Azyumardi Azra. (1995). *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII: Melacak akar-akar pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia*, cet. 2. Bandung, Indonesia: Penerbit Mizan.
- _____. (2003). Jaringan ulama Jawi: Sejarah wacana religio-intelektual Islam Nusantara, in Farid Mat Zain & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (ed.), *Prosiding nadwah ulama Nusantara II, sumbangan ulama dan tokoh agama Borneo*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, pp. 92-113.
- BIMB. (t.t.). *Bank Islam: application of shariah contracts in bank Islam's products and services*. Kuala Lumpur: BIMB.
- BIRT. (1998). *Konsep syariah dalam sistem perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training (BIRT).

- BNM (Bank Negara Malaysia). (2006). *Resolusi syariah dalam kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- _____. (2010). *Resolusi syariah dalam kewangan Islam*. Ed. 2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Brue, Stanley L. & Grant, Randy R. (2007). *The history of economic thought*. Ed. 7. Australia: Thomson South-Western.
- Chapra, M. Umer. (1985). *Towards a just monetary system*. Leicester: Islamic Foundation.
- Daud b. ‘Abdullah al-Fatani. (t.t.). *Furu‘ al-Masa’il*. Patani Thailand: Matba‘ah Bin Halabi.
- El-Sheikh, Salah. (2005). Islam’s moral economy; A FiqhiConomic interpretation. Paper presented at AMSS 34th Annual Conference, Temple University, Philadelphia, Sept. 30 - Oct. 2)(Abstract).
- _____. (2008). The moral economy of classical Islam: A FiqhiConomic model. *The Muslim World*, 98(January), 116-144.
- Hadenan Towpek. (2003). *Analisis keuntungan perbankan Islam di Malaysia dengan tumpuan kepada pengurusan aset dan liabiliti*. Unpublished. Master of Shariah Dissertation. The department of Shariah and Economic, the Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- _____. (2011). Kaedah penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam *Furu‘ al-Masa’il* dengan tumpuan kepada *rubu‘ al-mu‘amalat*. Paper presented at the 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011).
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. (2009). *Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam*. Shah Alam: UPENA.
- Hooker, M.B. (ed). (1986). *The laws of South-East Asia(vol. I: the modern texts)*. Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd.
- Humud, Sami. (1988). Bay‘ al-murabahah li al-mmr bi syira’ fi al-masarif al-Islamiyyah, *Majalah Majma‘ al-Fiqh al-Islami*, 5(2), 1096.
- IBFIM. (2007). Bank Islam hanya pengantara kewangan. *Utusan Malaysia*, Monday, 7 May, p.22.
- Ibn Humam, Kamal al-Din Muhammad b. ‘Abd Wahid. (1970). *Syarh fath al-qadir*, jld. 6. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad b. Abu Bakr. (1972).

- al-mughni wa al-syarh al-kabir*, juz 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- ISRA. (2012). *Islamic financial system: Principles & operations*. Kuala Lumpur: International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- Joni Tamkin Borhan. (1998). Bay murabahah in Islamic commercial law. *Jurnal Syariah*, 6, 53-58.
- _____. (2000). Pemikiran perbankan Islam: Sejarah dan perkembangannya. *Jurnal Usuluddin*, 12, 105-128.
- Kahf, Monzer. (2007). Islamic banks and economic development, in Hassan, M. Kabir & Lewis, Mervyn K. (eds.), *Handbook of Islamic banking*. Cheltenham, UK & Northampton, MA, USA: Edward Elgar.
- Leong Toong Peng. (1998). *The bussiness of banking in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Lewis, Mervyn K. & Algaud, Latifa M. (2001). *Islamic banking*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Mohammad Khairi Saat et al. (2011). *Islamic banking practices: From the practitioner’s perspective*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Mohd Herwan b. Mohammad Hussin & Mohd Hawari b. Mohammad Hussin. (2011). *Understanding shari’ah and its application in Islamic finance*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Mohd Sabri Abdul Ghafar. (2009). *Al-ijarah: Doktrin dan praktik dalam sistem perbankan Islam masa kini*. Shah Alam: UPENA.
- Mohd. Daud Bakar. (1997). Aspek-aspek pembiayaan projek dalam amalan perbankan Islam, *Jurnal Syariah*, 5 (July), 204-228.
- Radawi, Taysir. (1981). *Tarikh al-afkar wa al-waqa’iq al-iqtisadiyah*. Paris: Mudiriyyah al-Kutub wa Matbu‘ah al-Jami‘iyyah.
- Rosenberg, Jerry Martin. (1982). *Dictionary of banking & finance*. New York: John Wiley & Son, Inc.
- Saleh, Nabil A. (1986). *Unlawful gain and legitimate profit in Islamic law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Siddiqi, M.N. (2000). Islamic banks: Concept, precept and prospects, *Review of Islamic Economics*, 9, 24-26.
- W.M. Shaghir Abdullah. (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ulama’ dan pengarang terulung Asia Tenggara*. Shah Alam:

Penerbitan Hizbi.

- _____. (1991). Sejarah ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan karya-karyanya. Paper presented at Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat.
- _____. (1995). Manuskrip Islam dunia Melayu ditinjau dari pelbagai peringkat. Paper presented at Forum Ilmiah, the Department of Malay Studies, University of Malaya.
- _____. (2003). *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani pengetahuan sembahyang masyhur*, cet. 6. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zaharuddin Abd. Rahman. (2009). *Panduan perbankan Islam: Kontrak & produk asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

LAMAN SESAWANG:

- Agrobank. (2014). <http://www.agrobank.com.my/modal-kerja-i> (Diakses pada Ahad, 19.01.2014)
- AIBIM (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia). (2014). <http://aibim.com/content/view/151/126/> (Diakses pada Ahad, 19.01.2014)
- BMMB (Bank Muamalat Malaysia Berhad). (2014). <http://www.muamalat.com.my/wholesale-banking/commercial-banking/> (Diakses pada Ahad, 19.01.2014)
- BIMB. (2014). <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/TradeWorkingCapitalFinancing-i.aspx?tabs=1> (Diakses pada Ahad, 19.01.2014)
- Maybank Islamic. (2014). <http://maybankislamic.com.my/glossary.html> (Diakses pada Ahad, 19.01.2014)
- Public Islamic Bank. (2014). http://www.publicislamicbank.com.my/pibb/en/en_content/glossary.html (Diakses pada Isnin, 20.01.2014)
- RHB Islamic Bank (2014a). http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/PDS_PF-i_Private.pdf (Diakses pada Isnin, 20.01.2014)
- RHB Islamic Bank (2014b). http://www.rhb.com.my/islamic_banking/product-disclosure-sheet/HP.pdf, (Diakses pada Isnin, 20.01.2014)